

13/11/1999

Pencalonan 20 November (HL)

Kadir Dikoh; Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lebih 9.56 juta rakyat Malaysia akan mengundi dalam pilihan raya umum ke-10 pada Isnin, 29 November ini, manakala hari penamaan calon pula ditetapkan pada Sabtu, 20 November.

Berikutan itu, parti-parti politik mempunyai masa sembilan hari untuk berkempen bagi 193 kerusi Parlimen dan 394 kerusi dewan undangan negeri yang dipertandingkan, berbanding 10 hari pada tiga pilihan raya umum lalu.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Omar Hashim (gambar) berkata, buat pertama kali dalam sejarah negara, pengundian akan dijalankan hanya satu hari saja di Sabah dan Sarawak, sama seperti di negeri-negeri Semenanjung.

"Oleh itu, keputusan pilihan raya kali ini boleh diketahui pada hari yang sama iaitu 29 November dan kerajaan baru mungkin dapat dibentuk selewat-lewatnya antara jam 2 dan 3 pagi pada hari berikutnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar mengumumkan tarikh penamaan calon dan hari mengundi bagi pilihan raya umum kali ini, selepas mempengerusikan mesyuarat ahli SPR, di pejabatnya di sini hari ini.

Pengundian selama dua hari dilaksanakan di Sabah dan Sarawak sebelum ini kerana masalah perhubungan. Bagaimanapun, pilihan raya umum kali ini tidak membabitkan kerusi dewan undangan negeri di kedua-dua negeri berkenaan.

Pilihan raya negeri Sabah diadakan Mac lalu, manakala Sarawak hanya perlu mengadakan pilihan raya pada tahun 2001.

Omar berkata, writ pilihan raya akan dikeluarkan esok manakala notis pilihan raya diwartakan Isnin ini.

"Dalam menetapkan tarikh pilihan raya, SPR menimbang faktor seperti tempoh keperluan undang-undang, bulan puasa yang menjelang tiba, peperiksaan umum dan ancaman cuaca buruk serta banjir pada hujung tahun.

"Demi kestabilan dan kesejahteraan rakyat yang berkekalan, pilihan raya amat perlu disegerakan dalam tempoh masa yang sewajarnya," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah memperkenankan pengisytiharan pembubaran Parlimen, berkuat kuasa semalam.

Serentak itu, 11 Dewan Undangan Negeri (DUN) di Semenanjung, dibubarkan.

Mengenai rasa tidak puas hati beberapa parti pembangkang yang mendakwa tempoh kempen sembilan hari terlalu singkat, Omar berkata, pihaknya menganggap tempoh itu mencukupi.

"Sebenarnya kempen sudah bermula sejak satu setengah tahun lalu oleh semua parti. Semua orang sudah bersedia untuk pilihan raya ini termasuk SPR. Oleh itu, kita rasa lapan hari memadai," katanya.

Pas dan Keadilan masing-masing berpendapat tempoh kempen selama sembilan hari adalah terlalu singkat, manakala Parti Bersatu Sabah (PBS) pula mengatakan ia tiada masalah kerana sudah bersiap sedia lebih awal.

Tempoh kempen sembilan hari sebenarnya sudah dilaksanakan di Sabah dan Sarawak dalam tiga pilihan raya umum sebelum ini iaitu pada 1986, 1990 dan 1995 yang mana proses pengundian di kedua-dua negeri berjalan selama dua hari.

Omar berkata, seramai 9,564,071 pemilih yang berdaftar di seluruh negara pada 1998 dan disahkan oleh SPR pada Januari 1999, layak mengundi. Jumlah itu adalah setelah SPR memotong nama pemilih yang disahkan meninggal dunia di dalam daftar pemilih 1998, baru-baru ini.

Bagaimanapun, 680,000 pemilih yang berdaftar pada 2 April hingga 13 Mei lalu tidak layak mengundi kerana tidak mendapat pengesahan SPR yang

sepatutnya dibuat pada Januari 2000.

Katanya, sebanyak 6,931 pusat mengundi diwujudkan dengan 191 pusat penjumlahan undi. Pusat penamaan calon pula sebanyak 192 manakala sebanyak 17,722 saluran mengundi diwujudkan. Pusat mengundi bergerak kali ini cuma membabitkan kawasan tertentu di Sarawak.

Pada pilihan raya kali ini, jumlah kerusi Parlimen bertambah satu lagi kerusi baru iaitu Mambong di Sarawak, menjadikan 193 kerusi. Sebanyak 32 parti politik sudah berdaftar dengan SPR dan layak menamakan calon pada pilihan raya kali ini, termasuk sebuah parti baru, Parti Demokratik Malaysia (MDP).

Ketika Parlimen dibubarkan, 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) yang memerintah menguasai 166 atau empat per lima daripada kerusi Parlimen dan 12 daripada 13 kerajaan negeri. Parti pembangkang Pas menguasai Kelantan pada pilihan raya umum lalu.

Omar juga menasihatkan semua pihak yang akan terbabit dalam pilihan raya supaya memahami dan mematuhi segala undang-undang pilihan raya.

"Kepada bakal calon pilihan raya, SPR juga ingin menasihatkan supaya mematuhi segala undang-undang dan peraturan ketika urusan penamaan calon dijalankan.

"SPR juga ingin memberi peringatan kepada parti-parti politik dan bakal calon supaya sentiasa mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak polis ketika tempoh berkempen," katanya.

Kepada pengundi pula, beliau menasihatkan supaya menyemak nama terlebih dahulu untuk memastikan nama-nama mereka ada dalam daftar pemilih dan membawa dokumen pengenalan diri ketika datang untuk mengundi.

Beliau memberi jaminan bahawa SPR akan mengendalikan pilihan raya ini dengan adil, cekap dan telus mengikut undang-undang dan peraturan.

Mengenai kemungkinan berlaku banjir pada hari mengundi, Omar berkata, SPR mempunyai kuasa untuk menunda pengundian di kawasan-kawasan terbabit.

(END)